<table>
<tr><td>Q1</td><td>Apa itu Kill Switch?</td><td>Kill Switch ialah ciri keselamatan layan diri yang melindungi wang anda daripada scam dalam talian dan meningkatkan tahap keselamatan perbankan dalam talian anda. Ia tersedia di aplikasi MAE dan laman web Maybank2u.<br><br>Nota: Gunakan Kill Switch sekiranya anda terkena scam sahaja.</td></tr>
<tr><td>Q2</td><td>Apakah kegunaan Kill Switch?</td><td>Sekiranya anda syak telah menjadi mangsa scam, anda boleh menggunakan Kill Switch untuk melindungi dana anda dengan serta-merta.<br><br>
<table>
<tr><th>Ciri-Ciri Kill Switch</th><th>Cara Ia Berfungsi</th></tr>
<tr><td>Sekat Kad Debit (AKAN DATANG)</td><td>● Menyekat semua transaksi keluar dari Kad Debit Maybank anda</td></tr>
<tr><td>Sekat Kad Kredit/Caj</td><td>● Menyekat semua transaksi keluar dari Kad Kredit/Caj Maybank anda</td></tr>
<tr><td>Nyahaktifkan akses Maybank2u</td><td>● Akan di log keluar secara automatik daripada semua sesi aktif pada aplikasi MAE, aplikasi M2U MY dan laman web web Maybank2u<br>● Menyekat sebarang percubaan log masuk yang selanjutnya</td></tr>
</table>
<br>Nantikan lebih banyak ciri Kill Switch yang akan diperkenalkan tidak lama lagi. Ini adalah sebahagian daripada usaha berterusan kami untuk meningkatkan tahap keselamatan perbankan dalam talian anda.</td></tr>
<tr><td>Q3</td><td>Bagaimana cara untuk saya mengaktifkan Kill Switch?</td><td>Terdapat 2 cara untuk mengaktifkan Kill Switch. Rujuk panduan langkah demi langkah di bawah:<br><br><u>Aktifkan Kill Switch melalui aplikasi MAE</u><br>Langkah 1: Lancarkan aplikasi MAE dan tekan ‘More’</td></tr>
</table>

| | | |
|---|---|---|
| | | Langkah 2: Tekan 'Kill Switch'<br>Langkah 3: Pilih ciri yang anda ingin sekat atau nyahaktif<br>Langkah 4: Baca terma dan sahkan transaksi melalui Secure2u<br><br>**Aktifkan Kill Switch melalui laman web Maybank2u**<br>Langkah 1: Log masuk ke www.maybank2u.com.my<br>Langkah 2: Pergi ke 'SETTINGS'<br>Langkah 3: Klik 'SECURITY' dan pilih 'Kill Switch'<br>Langkah 4: Pilih ciri yang anda ingin sekat atau nyahaktif<br>Langkah 5: Baca terma dan sahkan transaksi melalui Secure2u<br><br>Untuk kemudahan, anda juga boleh menyekat Kad Maybank anda dengan mengakses akaun anda. Rujuk panduan langkah demi langkah di bawah:<br><br>**Sekat kad melalui aplikasi MAE**<br>Langkah 1: Lancarkan aplikasi MAE dan tekan tab 'Cards' di pilihan 'Accounts'<br>Langkah 2: Pilih kad debit/kredit/caj yang anda ingin sekat dan tekan 'Block Card'<br>Langkah 3: Tekan 'Next' dan 'Confirm' setelah setuju dengan terma<br>Langkah 4: Tekan 'Approve' pada 'Secure Verification' atau masukkan nombor 6 digit OTP yang dihantar ke nombor telefon bimbit anda yang berdaftar<br>Langkah 5: Setelah kad debit berjaya disekat, anda akan menerima SMS dan push notification. Status kad akan dikemas kini kepada 'Temporarily Blocked'<br><br>*Nota: Anda akan dilog keluar secara automatik dari semua sesi aktif apabila anda menyahaktifkan akses Maybank2u anda.* |
| Q4 | Saya telah mengaktifkan Kill Switch. Apa yang akan berlaku sekarang? | Apa yang boleh dan tidak boleh anda lakukan dengan Kad-kad Maybank atau Maybank2u anda setelah Kill Switch diaktifkan melalui aplikasi MAE atau laman web Maybank2u: |

| Ciri-Ciri Kill Switch | Perkara yang anda TIDAK boleh lakukan lagi | Perkara yang anda masih boleh lakukan |
|---|---|---|
| Nyahaktifkan akses Maybank2u | • Log masuk ke akaun anda melalui laman web/aplikasi | • Terima dana ke dalam akaun anda |

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| | | | • Buat pembayaran bil, pemindahan dan transaksi perbankan dalam talian yang lain | |
| | | Sekat Kad Kredit/Caj | • Buat pembayaran dalam talian dan fizikal (termasuk FPX, Apple Pay dan Samsung Pay)<br>• Menguruskan tetapan kad anda (mengemaskini alamat dan menukar PIN)<br>• Buat urus niaga berulang (langganan sedia ada, auto debit, arahan tetap dan perkhidmatan serupa akan dihentikan untuk sementara waktu) | • Log masuk ke Maybank2u anda melalui laman web/aplikasi<br>• Gunakan Akaun Semasa/Simpanan anda untuk melakukan transaksi<br>• Bayar baki dan ansuran kad kredit/caj sedia ada (melalui Maybank EzyPay, Balance Transfer, Cash Treats dan banyak lagi)<br><br>*Nota: Walaupun kad anda telah disekat, anda masih boleh dikenakan caj untuk yuran tahunan kad dan cukai perkhidmatan.* |
| | | Sekat Kad Debit | • Menggunakan perkhidmatan ATM<br>• Buat pembayaran dalam talian dan fizikal (termasuk FPX, Apple Pay dan Samsung Pay)<br>• Menguruskan tetapan kad anda (mengemaskini alamat dan menukar PIN)<br>• Buat urus niaga berulang (langganan sedia ada, auto debit, arahan tetap dan perkhidmatan serupa | • Log masuk ke Maybank2u anda melalui laman web/aplikasi<br>• Gunakan Akaun Semasa/Simpanan anda untuk melakukan transaksi<br><br>*Nota: Walaupun kad anda telah disekat, anda masih boleh dikenakan caj untuk yuran tahunan kad dan cukai perkhidmatan.* |

| | | |
|---|---|---|
| | | akan dihentikan untuk sementara waktu |
| Q5 | Bagaimana cara untuk pastikan jika Kill Switch saya telah diaktifkan? | Sebaik sahaja anda mengaktifkan mana-mana ciri Kill Switch, anda akan menerima *push notification* dan SMS yang memaklumkan anda bahawa Kill Switch anda telah berjaya diaktifkan. |
| Q6 | Bagaimana cara untuk saya menyahsekat kad atau mengaktifkan semula akses kepada Maybank2u saya? | Anda perlu menghubungi Pusat Khidmat Pelanggan Maybank (MGCC) di talian 1300 88 6688 atau kunjungi cawangan Maybank untuk mengaktifkan semula kad debit/kredit/caj dan akses Maybank2u anda. |
| Q7 | Bilakah saya boleh mula menggunakan Kad-kad Maybank saya atau log masuk ke Mayba nk2u setelah pengaktifan semula? | Sebaik sahaja pengesahan oleh MGCC atau pegawai cawangan Maybank berjaya, anda boleh melakukan perkata berikut dengan serta-merta:<br>• menggunakan Kad-kad Maybank anda.<br>• log masuk ke aplikasi MAE atau laman web/aplikasi Maybank2u untuk melakukan transaksi |
| Q8 | Saya telah menerima push notification dan SMS yang memaklumkan saya bahawa Kill Switch saya telah diaktifkan, namun saya tidak melakukan tindakan tersebut. Apa yang harus saya lakukan? | Jika anda mengesyaki seseorang telah mencuri nama pengguna dan kata laluan Maybank2u anda, segera hubungi Hotline Fraud 24/7 Maybank di talian 03 5891 4744 untuk membuat laporan. |

| | | |
|---|---|---|
| Q9 | Kad Maybank fizikal saya telah hilang/dicuri. Apa yang harus saya lakukan? | Jika anda telah kehilangan kad atau ia telah dicuri, segera aktifkan Kill Switch untuk menyekat kad anda. Ini untuk menghalang sebarang transaksi yang tidak sah. |
| Q10 | Bagaimana cara untuk saya membuat laporan jika saya menjadi mangsa scam? | Sekiranya anda terkena scam, segera hubungi Hotline Fraud 24/7 Maybank di talian 03-5891 4744 atau Pusat Respons Scam Kebangsaan di talian 997 (8 pagi -8 malam, setiap hari). |
| Q11 | Apakah yang akan berlaku jika saya tidak mengaktifkan semula akses kepada kad atau Maybank2u saya? | Jangan bimbang, wang anda akan kekal selamat di dalam akaun bank anda. Namun begitu,sila ambil perhatian bahawa anda mungkin tidak dapat melakukan transaksi sekiranya anda tidak mengaktifkan semula akses kepada kad anda atau Maybank2u.<br><br>**Kad Maybank**<br>Jika anda tidak mengaktifkan semula akses kepada kad anda, ia akan terus disekat dan anda tidak dapat menggunakan kad untuk membuat pembayaran. Ini termasuklah pembayaran dalam talian melalui FPX dan pembayaran fizikal.<br><br>**Akses Maybank2u**<br>Jika anda tidak mengaktifkan semula akses Maybank2u dalam tempoh 12 bulan, maka akses anda akan ditamatkan. Anda perlu mendaftar semula untuk mendapatkan akses Maybank2u baharu di cawangan Maybank terdekat. |